



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JPNP			

Kumpulan pekebun musang king dakwa kerajaan negeri ingkar perintah mahkamah

RAUB - Kumpulan pekebun musang king di Raub mendakwa kerajaan negeri mengingkari perintah mahkamah kerana Hutan Simpan Kekal Batu Talam terletak di dalam Mukim Tras yang dilindungi di bawah perintah tersebut.

Pengerusi Save Musang King Alliance (Samka), Wilson Chang Yee Chin berkata, pada 5 Januari 2021, Mahkamah Rayuan telah memberikan perintah injuksi interim bagi melindungi 111 pekebun durian di Raub.

Katanya, perintah tersebut telah se-

cara nyata melarang Pejabat Tanah Daerah Raub, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Kerajaan Negeri Pahang, Pihak Berkuasa Negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) dan Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd daripada mengambil tindakan terhadap kebun dan pekebun durian.

Oleh itu katanya, kerajaan Pahang dilarang untuk memusnahkan pokok durian ataupun menghentikan pekebun daripada memasuki kebun mereka.

